

## MAY 13, 1969 TRAGEDY: A REPORT BASED ON FOREIGN AND COMMONWEALTH OFFICE

### TRAGEDI 13 MEI 1969: SATU LAPORAN BERSUMBERKAN REKOD FOREIGN AND COMMONWEALTH OFFICE

Nor Azlah Sham Bt Rambely<sup>1</sup>  
Rashidah Mamat<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia  
Email: azlah@uum.edu.my  
shidah@uum.edu.my

**Accepted date:** 30 October 2017

**Published date:** 15 January 2018

#### To cite this document:

Rambely, N.A.S., & Mamat, R. (2017). Tragedi 13 Mei 1969: Satu Laporan Bersumberkan Rekod Foreign and Commonwealth Office. *Journal of Law, Government and Communication*, 2(6): 139-154.

---

**Abstrak:** Tragedi 13 Mei 1969 merupakan satu lakaran sejarah, konflik perkauman dan pergaduhan antara kaum Melayu dan Cina yang memporak-perandakan tanah air dan meragut banyak nyawa sehingga darurat terpaksa diisytiharkan. Penulisan tentang 13 Mei 1969 sebelum ini banyak berfokus kepada faktor dan punca sebelum terjadinya peristiwa ini serta impak terhadap negara. Sebaliknya dalam artikel ini objektif penulisan adalah berfokus kepada gambaran peristiwa selepas 13 Mei 1969 secara kronologi berdasarkan rekod Foreign and Commonwealth Office (FCO) Malaysia: Internal Affairs West Malaysia - Internal Situation. Metodologi kajian kualitatif menggunakan sumber primer digunakan dalam kajian ini. Dapatkan kajian menjelaskan apa yang berlaku di lokasi kajian dan kawasan sekitarnya serta tindakan pihak kerajaan dalam menangani tragedi 13 Mei 1969. Penulisan ini diharap dapat memberi maklumat dan kefahaman kepada masyarakat tentang peranan sejarah sebagai juru pandu kepada apa yang telah berlaku dan bagaimana dengan maklumat ini kita mampu memahami dan mengenal pasti isu dan kehendak setiap kaum di Malaysia ini.

**Kata Kunci:** Tragedi 13 Mei 1969, Konflik Perkauman, Keganasan Kaum, Pengaruh PKM, Perintah Berkurung

**Abstract:** May 13, 1969, tragedy is a long history of racial conflict and fight between the Malays and the Chinese that resulted in chaos and killed many lives until the emergency is forced to be declared. Many previous writings focused on the factors and causes before the occurrence of this incident and its impact on the country. In contrast, this article objectively focusses on the chronological events after May 13, 1969, tragedy based on the Foreign and Commonwealth

*Office (FCO) record Malaysia: Internal Affairs West Malaysia - Internal Situation. A qualitative study using data primer is used in this research methodology. The findings explain what happened in the study location and the surrounding areas as well as the actions taken by the government in addressing the tragedy of May 13, 1969. This writing aimed to provide information and understanding to the public regarding the role of history as a guide to what was happened during the incident. It also helps to show how with this information we could able to understand and identify the issues and needs of each ethnic group in Malaysia.*

**Keywords:** May 13, 1969 Tragedy, Racial Conflict, Racial Violence, MCP Influence, Curfew

---

## Pendahuluan

Tarikh 13 Mei 1969 merupakan satu detik hitam yang bersejarah di Malaysia. Buat pertama kalinya selepas kemerdekaan dinikmati, konflik perkauman antara kaum Melayu dan bukan Melayu meletus sehingga ke tahap serang-menyerang dan bunuh-membunuh dan situasi ini amat membimbangkan negara-negara yang berjiran dengan Malaysia serta negara Britain selaku penjajah yang memberikan kemerdekaan kepada Malaysia. Peristiwa dahsyat yang berlaku pada 13 Mei 1969 menurut Laporan Mageran (1969) adalah akibat dari pelbagai perkembangan dalam sejarah negara ini sebelum dan selepas kemerdekaan. Antaranya ialah ketiadaan perhubungan terus menerus antara generasi dan tafsiran yang berlainan oleh kaum masing-masing di negeri ini terhadap Perlembagaan, hingga membawa kepada bertambahnya pencerobohan politik oleh kaum-kaum imigran terhadap beberapa perkara asasi dalam Perlembagaan berkaitan dengan Bahasa Melayu dan kedudukan Orang-orang Melayu, terutamanya Fasal 152 dan 153; hasutan, kata-kata lancing dan kelakuan yang provokatif dari ahli-ahli dan penyokong-penyokong parti-parti perkauman dalam masa pilihan raya 1969; peranan yang dimainkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM) dan kongsi-kongsi gelap yang membangkitkan perasaan perkauman dan kecurigaan dan kegelisahan; kemudiannya kehampaan orang-orang Melayu dalam suasana yang memang sedia diselubungi perasaan saling tidak percaya mempercayai antara Melayu/Cina, dan bertambah pula di masa akhir-akhir selepas pilihan raya tahun 1969 dengan berbagai cacian perkauman dan ancaman terhadap kesejahteraan dan kehidupan masa depan mereka, di tanah air mereka sendiri.

Berdasarkan laporan British, punca permasalahan ini ialah “..*inter-communal tension mainly between Malays and Chinese as aftermath of election*” (FCO 24/484). Pertembungan konflik perkauman ini bukanlah berlaku secara tiba-tiba tetapi duri-duri perkauman telah ada dan wujud sejak awal lagi sewaktu proses penjajahan berlangsung. Laporan British menjelaskan,

*The root cause of antagonism between Chinese and Malays and Chinese and Indians are too well known to need to be rehearsed here- the economic pressures, the religious differences and the differences of racial characteristics (FCO 24/480).*

K.Jeyaratnam pula memperincikan punca konflik perkauman iaitu,

*The racial problem was not merely one of political and linguistic differences. Its texture was far more intricate and several other factors, less obvious perhaps, but equally problematic, were involved – social structure, economic role, religious differences, temperament, degree of education, productive capacity, and above all, each community's individual attitude towards the country (1958, hlm 7).*

Sememangnya faktor-faktor di atas boleh membawa kepada persengketaan. Namun cetusan percaduhan, perkelahian, pemberontakan dan pembunuhan antara kaum pada 13 Mei 1969 merupakan sesuatu yang baru kepada Malaysia, apatah lagi selepas dua belas tahun Malaysia wujud dan merdeka. Setiap peristiwa yang berlaku pasti ada sebabnya dan objektif penulisan ini berfokus kepada peristiwa selepas 13 Mei 1969 berdasarkan rekod *Foreign and Commonwealth Malaysia: Internal Affairs West Malaysia - Internal Situation*. Dapatan kajian dipaparkan secara kronologi bagi memberi gambaran suasana kejadian, memerihalkan reaksi kaum dan melihat tindakan kerajaan bagi menangani tragedi ini.

### ***Tragedi 13 Mei 1969: Sebelum Hari Kejadian***

Pada 9 Mei (Jumaat) orang-orang Cina mengadakan perarakan besar-besaran mengusung keranda seorang pemuda Cina dari Parti Buruh Malaya (LPM) yang ditembak pada minggu tersebut oleh pihak polis. Usungan keranda dibawa memasuki kawasan pusat bandar dan tidak mengendahkan kawasan laluan yang diarahkan oleh pihak berkuasa. Tiada kejadian tidak diingini berlaku tetapi banyak sepanduk-sepanduk yang cuba menjatuhkan institusi Melayu dibentangkan dan terdapat perbuatan-perbuatan yang agresif terhadap orang-orang Melayu. Seterusnya pada 10 Mei (Sabtu) Pilihanraya Persekutuan dilangsungkan.

Pada 11 Mei dan 12 Mei (Ahad dan Isnin) pengumuman keputusan pilihan raya di Malaysia Barat menunjukkan kemenangan besar kepada parti pembangkang. Keputusan menunjukkan parti pembangkang Pan Malayan Islamic Party (PMIP) telah menang besar mengatasi UMNO dalam beberapa kerusi.

*At this election, the opposition pan Malayan Islamic Party (PMIP) has gained heavily at United Malays National Organisation (UMNO) expense, though because of UMNO's previously strong position this has resulted in fairly few actual seats. (UMNO Secretary General, after 1968 by election which showed trend, said privately "we are not Malay enough".) (FCO 24/484)*

Parti Malayan Chinese Association (MCA) pula hilang banyak dalam undi dan kerusi. Kejayaan parti pembangkang Cina iaitu Democratic Action Party (DAP), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) dan Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) adalah kerana mereka membentuk pakatan dan berlawan kerusi sesama mereka sendiri, dan ini memberi pilihan kepada orang ramai untuk mengundi selain MCA. Selain itu faktor tindakan parti kiri iaitu Parti Buruh (LPM) memulaukan pilihan raya membawa kepada undi mereka beralih kepada parti pembangkang yang lain.

*LPM had split opposition vote in many places in 1964. But in 1969 their boycott was followed (and then only to a minor degree) in Kuala Lumpur alone, and the 16 per cent of the vote they obtained (with the minor allies) in 1964 has this time gone almost completely to the other Chinese opposition parties (FCO 24/484)*

Kegembiraan pembangkang dengan keputusan pilihanraya membawa kepada perarakan memasuki ibu kota. Pada malam 11 dan 12 Mei, kaum Cina meraikan kejayaan pilihanraya dan mengejek orang-orang Melayu. Seterusnya perarakan Gerakan besar-besaran secara haram diadakan bagi menyambut kepulangan Ketua Pembangkang V. David yang memenangi kerusi Parlimen di Pulau Pinang (FCO 24/484). DAP telah mengadakan beberapa perarakan pada hari Ahad 11 Mei 1969, kesemuanya tanpa kebenaran dari polis. Pada pukul 5 petang hari itu, satu perarakan mengandungi 5 buah kereta dan lebih kurang 15 buah motorsikal, telah kelihatan

melalui Jalan Brickfields menghala ke Jalan Lornie. Goh Hock Guan calon yang menang bagi kawasan Parlimen Bangsar dan kawasan negeri, Pantai, ada dalam perarakan tersebut. Apabila melalui Balai Polis Brickfields, peserta-peserta yang kebanyakannya orang-orang Cina melaung-laungkan kata-kata yang kasar dan mencaci seperti "Apa polis boleh buat-kita Raja" dan "buang semua Polis Melayu". Pada lebih kurang 8.30 malam, satu lagi perarakan DAP yang melalui Jalan Bukit Bintang telah mencaci mata-mata Melayu yang bertugas di situ, dengan menunjukkan kelakuan yang kotor dan memekik kata-kata biadap dan tidak sopan. Pada 10 malam satu lagi perarakan DAP yang meghala ke Kuala Lumpur melaungkan 'Mati Melayu, Sakai pergi masuk hutan" kepada mata-mata Melayu"(hlm 34).

Keputusan pilihanraya di Kelantan kekal kepada *Pan Malaysian Islamic Party* (PMIP), dan Gerakan telah membentuk kerajaan Pulau Pinang dengan Lim Chong Eu bersumpah pada 12 Mei sebagai Ketua Menteri. Keputusan di negeri Perak saling menghampiri dengan 19 dimenangi oleh Parti Perikatan dan 21 kerusi dimenangi oleh parti pembangkang termasuk satu PMIP. Manakala di Selangor keputusan penuh tanpa PMIP menjadikan sesuatu yang sukar untuk membentuk kerajaan yang stabil di kesemua negeri ini. Punca kekalahan Parti Perikatan dalam pilihanraya ini adalah disebabkan ketidakpuasan hati di kalangan orang-orang Melayu dan Cina terhadap polisi kompromi Perikatan (FCO 24/484).

Dengan kemenangan di Kelantan, Perak dan Pulau Pinang (parti pembangkang menang majoriti penuh di Dewan Rakyat), serta di Selangor (dengan harapan memenangi pilihanraya setelah seri 14-14 di antara Parti Perikatan dan parti pembangkang DAP dengan majoriti sembilan kerusi), mencadangkan mereka dibenarkan untuk memilih Menteri Besar mereka sendiri. Parti Perikatan di bawah Tunku membalas bahawa dalam perlombagaan hanya orang Melayu layak memegang jawatan tersebut, tanpa mengira parti apa pun (FCO 24/485).

Sebuah akhbar iaitu *The Daily Star* yang mengupas perkara ini melaporkan,

*When it was decided to make Malaysia a Confederation, it was hoped that by doing so the Malays could rise to a position of equally with the other non-indigenous races in west Malaysia. To ensure that this position of power would not be torn from their hands, it was written into the constitution that the Sultanates and the Chief Ministerial posts would always remain Malay, so that even if the political party representing a non-indigenous group came into power they could not elect their own Menteri Besar. This clause of the Constitution works well in States that have a predominance of Malays, but in the case of States like Penang and Selangor where there is at least a large minority of nonp-indigenous races, the clause can be seen as an inherent fault of the Constitution (FCO 24/485).*

Pada 13 Mei (Selasa) dalam satu mesyuarat tergempar di Kuala Lumpur, parti MCA telah mengambil keputusan menarik dari dalam pembentukan kerajaan Persekutuan mahupun negeri, dengan alasan keputusan pilihanraya telah menunjukkan parti ini telah hilang keyakinan dari pengundinya. Namun, MCA akan tetap menyokong Parti Perikatan di peringkat Parlimen. Keputusan ini diambil selepas tiga jam mesyuarat jawatankuasa pusat MCA diadakan. Selain itu dalam mesyuarat ini juga memutuskan bahawa parti ini terus meletakkan keyakinan kepada Tan Siew Sin sebagai presiden parti. Keputusan MCA ini diumumkan tanya perundingan dengan UMNO terlebih dahulu. Tan Siew Sin ada menyatakan kepada akhbar secara tidak rasmi bahawa keputusan ini boleh dinilai semula, tetapi Tun Razak telah memuji tindakan MCA yang menarik diri dalam kerajaan dan peringkat negeri secara terbuka (FCO 24/484 Part A). Tun

Abdul Razak selaku Timbalan Perdana Menteri, memberi komen berdasarkan keputusan MCA ini bahawa tidak akan ada perwakilan Cina dalam Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan beliau berharap orang-orang Cina di negara ini akan faham.

*Now the Malaysian Chinese Association has withdrawn from the Federation Cabinet (but not from the Alliance Party) saying that it does not represent the will of the Chinese people in the Federation. Which leaves the Chinese in Selangor represented only by the multi-racial DAP and Gerakan Rakyat of the opposition in the State Assembly, both of which parties call for "Malaysia for the Malaysians" rather than for the Malay. (FCO 24/484 part A, hlm 8)*

Parti Malaysian Indian Congress (MIC) kemungkinan akan mengikuti jejak langkah MCA, memandangkan dalam tiga kerusi, dua calonnya iaitu menteri memenangi undi majoriti yang sedikit dan calon ketiga hilang kerusi (FCO 24/484 part A, hlm 8). Hasilnya, "*So the more unruly among the Chinese population start sneering openly at the Malays in Selangor, firmly (and probably rightly), believing the things have swung more definitely in their favour with the withdrawal of the MCA.*"

Selepas dua malam provokasi oleh kumpulan orang Cina, orang Melayu di utara bandar Kuala Lumpur (kawasan Kampung Bharu) merancang demonstrasi besar-besaran dan perarakan sekitar Kuala Lumpur pada malam 13 Mei 1969 (FCO 24/484 part A, hlm 1). Seterusnya, "*Malay extremists (possibly within UMNO) spent 13 May planning counter-demonstration for which many of their supporters armed themselves with a variety of weapons. Some Chinese groups made ready to retaliate or pre-empt and matters rapidly got out of hand*". (FCO 24/484 part A, hlm 8)

Pada pukul 6.39 petang sejurus sahaja kumpulan orang-orang Melayu berkumpul terdapat keganasan iaitu satu atau dua kereta dan rumah-rumah dibakar dan pihak berkuasa melaksanakan perintah berkurung 24 jam di Kuala Lumpur. (FCO 24/484 part A, hlm 1)

Keganasan berterusan menjelang malam tetapi dengan kemunculan Pasukan Keselamatan, sekatan jalan raya dilakukan di pusat-pusat utama di sekeliling ibu kota. Situasi pada pukul 9.00 malam tegang tetapi tenang. Perintah berkurung dilancarkan di negeri-negeri Selangor, Pulau Pinang dan sebahagian negeri Perak. Ketenteraan British memaklumkan situasi di Seremban, Pulau Pinang dan Melaka dalam keadaan tenang. (FCO 24/484 part A, hlm 2-3)

Sehingga 9.30 malam situasi berada di bawah kawalan dengan sekatan polis berada di kedudukan masing-masing. Apabila Pasukan Keselamatan ditempatkan, hanya sedikit sahaja kejadian berlaku atau tiada langsung kejadian pergaduhan berlaku FCO 24/484 part A, hlm 1). Tunku Abdul Rahman menghebahkan di televisyen pada pukul 10 malam 13 Mei. Tunku menyalahkan parti pembangkang atas permasalahan yang berlaku tetapi mengutuk pembalasan dan merayu negara untuk bertenang. Pada pukul 12.30 tengah malam, 24 jam perintah berkurung dikenakan serta merta sehingga dimaklumkan kemudian. Kawasan yang terlibat ialah Kepong, Sungai Buluh, Sungai Pelong, Sungai Besi, Serdang, Salak Selatan, Serdang Baharu, Salak selatan Baru, Ampang, Kampung Baru Mumpano, Jalan Travers, Jalan Pekeling, Jalan Brickfields and seluruh kawasan pusat bandar Kuala Lumpur termasuk Petaling Jaya. Pada hari yang sama, Darurat diisyiharkan di Selangor setelah berlakunya pergaduhan di antara kumpulan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Perdana Menteri Malaysia,

Tunku Abdul Rahman, melaporkan jika perlu perintah Darurat akan diumumkan di seluruh Malaysia.

Tan Sri Jamil, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia (dalam satu temubual oleh J.O.Morton pada 22 Mei 1969) menyatakan pada pandangan beliau kedua-dua belah pihak (Melayu dan Cina) harus dipersalahkan atas kejadian yang berlaku. *"Initially the Chinese, elated by their electoral success but frustrated by their inability to form the Government, had behaved provocatively and taunted the Malays. The next night UMNO supporters had retaliated".* (FCO 24/485 : Part B, hlm 124) Apabila disoal tentang tuduhan terhadap anasir komunis, Tan Sri Jamil berkata,...*that there were Communist elements in the Labour Party and elsewhere who had sought to take advantage of the situation* (FCO 24/485 : Part B, hlm 124). Tan Sri Jamil juga membuat analisis bahawa tindakan MCA menarik diri daripada pembentukan kerajaan Perikatan adalah satu keputusan yang telah diberi pertimbangan disebabkan keimbangan parti MCA sekiranya mereka meneruskan perikatan dengan parti kerajaan mereka akan kehilangan sokongan politik di kalangan kaum Cina. Beliau juga beranggapan bahawa terdapat elemen kegusaran dalam diri Tun Tan.

### ***Tragedi Selepas 13 Mei 1969***

Pada 14 Mei (Rabu) serangan, pembunuhan dan pembakaran berterusan. Pada 14 Mei 1969, pasukan keselamatan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya telah berjaya mengawal keadaan. Hanya terdapat kejadian kecil pada waktu pagi tetapi situasi masih tegang. Namun, pada masa yang sama, huru-hara telah berlaku malam sebelumnya akibat pengumuman oleh MCA bahawa ia tidak akan menerima apa-apa jawatan dalam Kabinet kerajaan yang baru ataupun sebagai ahli Undangan kerajaan Negeri. Pasukan tentera dan kenderaan tentera mengawal Kuala Lumpur selepas malam pertempuran berdarah tersebut di mana 31 orang dilaporkan mati dan 89 cedera. Lebih dari 150 kereta, lori dan motorsikal dilaporkan diterbalikkan dan dibakar. Perintah berkurung 24 jam juga dilaksanakan di Pulau Pinang dan sebahagian negeri Perak (FCO 24/484: Part A, hlm 14). Anggaran korban secara rasmi di Kuala Lumpur ialah 20 kematian dan 60 tercedera dan sebahagian parah. Tetapi laporan British menjangka angka korban adalah lebih dari yang diumumkan. Reuter menganggarkan 50 terbunuh. Manakala Polis memaklumkan 44 terbunuh dan 150 tercedera (FCO 24/484: Part A, hlm 6). Laporan British menyatakan bahawa keseluruhan arahan dan kawalan oleh Pasukan Keselamatan tidak begitu efektif (FCO 24/484: Part A, hlm 7).

Merujuk kepada tragedi 13 Mei ini, Jabatan Negara (*State Dept*) British masih mencari sebab-sebab dan kesannya perselisihan perkauman yang telah berlaku di Kuala Lumpur sepanjang 48 jam lalu. Kemudiannya, Mauricehbean, Pengarah Negeri Malaysia/Singapura memaklumkan kepada Jabatan Negara British bahawa, (keganasan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah kegembiraan terlampau daripada parti pembangkang, bertambahnya ketakutan dan tekanan kepada bangsa Melayu dan salah faham yang tersebar tentang keputusan MCA untuk mengundur diri dari kerajaan).

*Mauricehbean, Malaysia/Singapore Country Director, told us that disturbances appear to have been triggered off by numbers of factors, including over-exuberance of position, increased fear and tension on part of Malays and wide spread misinterpretation of MCA decision to opt out of government. It is possible that entire sequence of events began when a Chinese was assaulted by Malays before residence of Selangor Chief Minister. So far there is no/no evidence that disturbances had been organized; on other hand people on both sides appear to have armed themselves in anticipation of trouble. It also*

*appears that members of PAP and Gerakan had roamed through Malay quarters indulging in acts of oral insult and abuse (hlm 61).*

Pada 15 Mei (Khamis) pagi terdapat tanda-tanda suasana ketegangan menjadi semakin baik. Pihak berkuasa mengumumkan penangguhan perintah berkurung untuk beberapa tempoh tertentu di kawasan-kawasan yang berbeza di Selangor bagi membolehkan masyarakat membeli makanan dan sesiapa yang terkandas untuk pulang ke rumah. Namun, perubahan tidak kekal lama. Perintah berkurung diumumkan semula dalam tempoh yang singkat apabila situasi menjadi teruk semula. Pihak berkuasa ketika ini mempunyai kuasa Darurat yang diisyiharkan oleh Yang Dipertuan Agong malam semalam. Kuasa ini termasuklah hak untuk mengubah atau menahan mana-mana undang-undang, untuk menubuhkan mahkamah sendiri, boleh mewujudkan kesalahan baru dan menentukan hukuman termasuklah hukuman mati (FCO 24/484: Part 1, hlm 9).

Siaran langsung ucapan Tunku menyalahkan pengganas komunis dan mengumumkan dengan pengisyiharan perintah Darurat oleh Yang Dipertuan Agong, Majlis Gerakan Negara diwujudkan. Laporan *The Daily Star* menyatakan bahawa dengan pengumuman Darurat oleh Tunku, "*he is inviting disaster to the cause of racial harmony*" (FCO 24/485 :Part B, hlm 114). Akhbar ini melaporkan bahawa

*The opposition obviously feels that the time has come to put their foot down and demand what they believe to be their rights as a strong minority group. The Tunku insistence on a Malay for Menteri Besar at this time was perhaps the most unwise and untimely of all the unwise things he has come out with over the last twelve years. Ousting Singapore for fear of Chinese domination was a bad mistake, but it does not look as if the Tunku learned anything of value at that time. By becoming dogmatic now on a point he himself has betrayed, he has left himself wide open to abuse from the opposition. By declaring the present state of emergency, he is inviting disaster to the cause of racial harmony.*

Kenyataan radio oleh Tunku Abdul Rahman malam semalam menjelaskan tentang kuasa Darurat yang diumumkan.

*Situation has not improved. It is obvious therefore that a real attempt has been made by disloyal elements to overthrow this government by force of arms. The Yang Dipertuan Agong has promulgated laws by virtue of clause 2 of article 5 of the constitution with immediate effect. This law contains 9 provisions of which the following are the most important. Section 2 empowers the Agong to make regulations for the apprehension, trial and punishment of persons offending against the regulations and for the detention, exclusion and deportation of such persons semicolon to create offences and prescribe penalties, including the death penalty, to make provision for trial by any court which may be specified in such regulations and to make such provisions in respect of trials which can even be held in camera whether in civil or criminal cases semicolon to empower the government to take control of and dispose of any property or to acquire any property on its behalf semicolon to enter and search any premises, to amend any written law or suspend operation of any written law semicolon to deprive any persons of their citizenship. Section 3 extends the operation of the regulations to all ships, vessels and aircraft if they are registered in Malaysia (FCO 24/484 : Part A, hlm 12).*

Keadaan di negeri-negeri lain di luar Kuala Lumpur adalah sunyi-sepi dan perintah berkurung dimansuhkan selama tiga jam pada waktu siang di Pulau Pinang. Di Perak perintah berkurung terus dilaksanakan dan di Negeri Sembilan perintah berkurung dikenakan daripada pukul 8 malam sehingga 5 pagi. Kuala Lumpur masih dalam keadaan tegang. Pasukan Polis telah mengarahkan semua pasukan simpanan digunakan dan telah menyerahkan bahagian utara Kuala Lumpur kepada pasukan Tentera. Pasukan peronda melaksanakan perintah berkurung, tetapi tidak sangat berjaya walaupun di siang hari dan pihak berkuasa gusar apakah yang akan berlaku pada waktu malam (FCO 24/484 : Part A, hlm 12). Sehubungan itu pihak British meramalkan bahawa kejadian ini boleh menjadi lagi dahsyat.

*Our latest information this evening is that overall command and control of the Security Forces is pretty ineffectual. It is also indicative of the general mood that the Agong has sign a decree calling up the territorials and reserves and that the Tunku has assumed emergency powers. It seems to me therefore not inconceivable that we may quite soon reach a situation in which the Malaysian Government will seek military help from the British, Australia and New Zealand Governments (FCO 24/484 : Part A, hlm 7).*

Laporan British menyatakan situasi di luar Kuala Lumpur pada 15 Mei, kekal tenang, termasuk di Ipoh dan Pulau Pinang. Di Perak, kebanyakan pelombong-pelombong bijih meneruskan pekerjaan mereka walaupun terdapat laporan kemungkinan pergaduhan boleh berlaku di kalangan pekerja Cina dan Melayu di sebuah lombong bijih (FCO 24/484 : Part A, hlm 18). Namun di Kuala Lumpur kekal tegang. Di Selangor, Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur menganggarkan 70 terbunuh, 268 cedera, 33 rumah dan 41 kereta dibakar. Tiada pertempuran berlaku semenjak pukul 2.12 petang. Di Pulau Pinang, 73 orang yang melanggar perintah berkurung ditahan, tetapi tiada pertempuran besar berlaku. Di negeri Perak, 500 orang yang melanggar perintah berkurung ditahan, lima mengalami kecederaan bermula 13 Mei tetapi melibatkan kes-kes yang terpencil. Kawasan-kawasan lain sunyi-sepi (FCO 24/484 : Part A, hlm 18).

Satu laporan British menyatakan pada petang 15 Mei, pihak berkuasa telah berjaya mengekalkan ketenangan tetapi mereka tidak boleh mengelakkan pembakaran terhadap hartaharta orang. Namun, kawalan Pasukan Keselamatan terhadap situasi ini masih lagi tidak boleh dipercayai.

*There have been a disquieting number of substantiated reports of Malay soldiers winking at acts by Malays against Chinese (FCO 24/484 : Part A, hlm 18).*

*There are a number of reports of looting in KL including some looting by the military. We have further eye witness reports of bias by the Malay military against the Chinese: for example that they are turning a blind eye to actions by Malay rioters and showing partially in arrests. These reports come from British Loan Service Officers, whose general impression is that the Malays are the main perpetrators of the trouble (FCO 24/484 : Part A, hlm 31).*

Tetapi laporan seterusnya menyatakan bahawa, "From the same source however we have received a report of a senior Malay Officer arresting a Malay subaltern for looting" (FCO 24/484 : Part A, hlm 31). Menurut Tan Sri Jamil, "...officers of the Malaysian armed services were trained in the British tradition and had no desire to assume a political role (FCO 24/485 : Part B, hlm 124). Isu tentang tindakan Pasukan keselamatan terus diperkatakan. Dalam satu laporan British juga menyatakan bahawa, "There is some evidence that the military but not the

*police discriminated in favour of Malays in enforcing the curfew* (FCO 24/484 : Part A, hlm 70).

Seterusnya dalam satu maklumbalas oleh Mr Duff terhadap Pejabat Komanwel dan Luar Negara (*Foreign and Commonwealth Office*) tentang laporan sebelum ini bahawa pasukan Keselamatan Kerajaan Malaysia kelihatan berat sebelah terhadap bangsa Melayu, beliau berkata,

*You will have seen from our situation reports that (although press reporting has been exaggerated) there is no doubt that some of the security forces are discriminating in favour of the Malays, for example Malay troops are guilty of this whereas the Federal Reserve (i.e Riot Police) are not. Discrimination take the form, for example, of not, repeat not, enforcing the curfew in one of the most violently disposed of the Malay areas in Kuala Lumpur (Kampong Bahru) where Malays armed with parangs, etc. continue to circulate freely semicolon with the inevitable result that gangs slip through the cordon round the area and attack Chinese outside it. In Chinese areas the curfew is strictly enforced.*

*On the other hand, there is plenty of evidence of effective action to break up Malay gangs and shoot Malay rioters outside Kampong Bahru. Our judgement is that the attitude of the Security Forces on the ground reflects lack of adequate direction by the authorities rather than any deliberate government policy. Appointment as Home Minister of Tun Ismail, widely regarded by Malays and Chinese alike as firm and fair, will be helpful* (FCO 24/484 : Part A, hlm 41).

Laporan British pada 17 Mei kemudiannya melaporkan bahawa,

*For the first twentyfour hour period section of police force simply became demoralized due to impact widespread violence and the regular police forces are a key element in maintaining any long range security in this country. There have been examples of bias in early stages shown by Malay Security Forces but this has not/not become a general trend. Some of the military leadership in this country has a weak capacity for decision. They can be and have been buffeted by the political forces unleashed in this emergency. Their root cause for the widespread and uncontrolled violence was the lack of appreciation of the volatile nature of the local communities in the immediate pre and post election periods and therefore the lack of adequate security precaution* (FCO 24/484 : Part A).

Jumlah anggaran yang terkorban sehingga kini yang dimaklumkan oleh pihak British ialah melebihi seratus orang (FCO 24/484 : Part A, hlm 41). Pihak polis enggan memberikan perbezaan jumlah kaum yang terkorban tetapi laporan Reuter menjelaskan ramai orang Cina yang mati berbanding orang Melayu (FCO 24/484 : Part A, hlm 21).

Tun Razak menjelaskan di bawah Undang-undang Darurat yang sedang dilaksanakan sekarang, beliau telah dilantik oleh Tunku untuk mengetuai kerajaan dan mentadbir negara. Tun Razak merujuk dirinya sebagai "*a war footing*" and would be setting up a combined military, police and civilian headquarters in the Ministry of Defence. Beliau menjangkakan Tunku akan mengumumkan Kabinet Menteri Darurat untuk mengetuai kementerian yang pelbagai tetapi tidak akan menggugat kedudukan Tunku. Tun Razak menjelaskan bahawa apabila perintah berkurung dibubarkan sekejap di Kuala Lumpur pada pagi 15 Mei, situasi menjadi tidak

terkawal dan pergaduhan telah merebak. Tun Razak kemudiannya melaksanakan semula perintah berkurung dan tidak bercadang untuk membubarkannya dalam tempoh dua atau tiga hari ini. Tun Razak menyebut bahawa di negeri-negeri lain suasana telah menjadi senyap melainkan beberapa kejadian yang terasing, tetapi situasi tetap tegang di Pulau Pinang dan Perak. Namun daerah Kuala Lumpurlah yang agak membimbangkan beliau (FCO 24/484 : Part A, hlm 16).

*In Kuala Lumpur itself the curfew was reimposed earlier than planned this morning. It is clear that in some areas deliberate advantage was taken of the relaxation in order to create trouble and there were a number of sporadic incidents. These were mostly concentrated in the northern urban areas and to the east and on the main highway to the new town of Petaling Jaya (FCO 24/484 : Part A, hlm 18).*

Dalam satu maklumbalas dari Pesuruhjaya Tinggi Australia, Tun Razak menafikan bahawa perarakan besar melalui ibu kota pada petang 13 Mei adalah sesuatu yang dirancang oleh UMNO.

*They had simply assembled in front of the Selangor State Chief Ministers house to demonstrate support and trouble had started when two bus loads of Chinese youths came by and provoked it. Thereafter Communist elements had taken full advantage of the situation and it was they who were responsible for the continuing violence (FCO 24/484 : Part A, hlm 16).*

Laporan British menjelaskan, tindakan Tun Razak menyalahkan komunis adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

*Putting the blame on the "communist" is no doubt inevitable, and may indeed be sensible political gambit to enable government and opposition to come to terms. It is satisfactory that Tun Razak is taking overall charge since any impression of government authority being exerted has been conspicuously lacking (FCO 24/484 : Part A, hlm 16).*

Tragedi ini telah mengakibatkan krisis politik yang boleh melumpuhkan Parti Perikatan. Jurang antara orang-orang Melayu dan Cina telah bertambah dan politik terbahagi dua yang berasaskan perkauman. Pesuruhjaya Tinggi British menjelaskan terdapat tiga kemungkinan kesan konflik perkauman ini.

- a) UMNO akan membentuk kabinet seorang diri dengan sokongan parlimen daripada MCA dan MIC
- b) UMNO mencari alternatif lain atau tambahan sokongan orang-orang daripada satu atau lebih parti pembangkang
- c) UMNO meninggalkan polisi perhubungan kaum Parti Perikatan dan mencari penyatuan dengan PMIP.

Kebanyakan pemimpin UMNO mahukan cadangan ketiga tetapi pilihan ini akan memberikan jumlah majoriti yang kecil kepada mereka (FCO 24/484 : Part A, hlm 16).

Pada 16 Mei (Jumaat) suasana semakin aman walaupun terdapat sedikit kebakaran dicetuskan. Laporan daripada Pegawai Pinjaman British (*British Loan Officer*) menyatakan bahawa pasukan askar telah dapat mengawal keadaan sekarang dan mereka berjaya mengasingkan orang-orang Melayu dan Cina pada waktu siang hari. Pasukan askar sekarang

ini telah beroperasi di seluruh ibu kota Kuala Lumpur, tidak hanya di kawasan utara sebagaimana yang dilaporkan sebelum ini. Terdapat beberapa serangan sehingga tengah malam yang bertumpu di kawasan utara dan timur bandar dan di Petaling Jaya. Pihak berkuasa mengekalkan perintah berkurung di Selangor tanpa kelonggaran. Pasukan tentera telah dapat mengawal di kawasan sensitif. Penyataan polis melaporkan terdapat 155 tangkapan dilakukan yang memberikan jumlah setakat ini seramai 305 orang ditangkap sepanjang tragedi berlaku. Secara rasmi angka kematian berjumlah 89 dan kecederaan seramai 272 orang (FCO 24/484 : Part A, hlm 31). Tan Sri Ghazali yang dilantik sebagai anggota dalam Mageran memaklumkan bahawa situasi di Melaka membimbangkan. Seorang penarik beca berbangsa Melayu dibunuhi pagi tadi oleh orang-orang Cina. Tunku telah bertolak ke Melaka untuk meninjau apa yang sedang berlaku.

Pada pukul 10.00 malam Tunku mengumumkan tentang penubuhan Pasukan Pertahanan Kebangsaan (*National Defence Force*) yang akan dianggotai oleh orang-orang awam. Para pemuda digalakkan menyertainya bagi menunjukkan kesetiaan mereka. Tunku juga mengumumkan pembentukan Mageran di bawah pimpinan Tun Razak. Badan ini akan mentadbir pentadbiran awam negara dan pasukan keselamatan, yang mana Tun Razak akan mengetuainya dan melaporkan kepada Tunku. Tunku juga pada malam itu masih menyalahkan anasir komunis tentang tragedi yang berlaku.

*The Tunku prefaced his announcement with further remarks about the communist menace referring specifically to communist terrorists. The communists were blamed for getting the Chinese to vote in the election against MCA and for starting the disturbances by demonstrating in defiance of instructions (FCO 24/484 : Part A, hlm 31).*

Antara ucapan Tunku yang disiarkan secara langsung pada pukul 10 malam 15 Mei adalah:

- a) Perintah Darurat diisytiharkan disebabkan situasi yang berlaku mengkehendaki kita untuk bertindak cepat atau sebaliknya situasi ini akan menjadi semakin dahsyat dan tidak dapat dikawal dan kita akan berhadapan kembali dengan perintah Darurat yang pernah diisytiharkan kerajaan British pada tahun 1949.
- b) Pengganas komunis telah merancang untuk mengambil alih kuasa. Pengganas komunis telah berjaya memujuk pengundi dengan ugutan dan pujukan untuk menjatuhkan Parti Perikatan melalui proses demokrasi tetapi kita bernasib baik dengan majoriti yang mencukupi untuk membentuk kerajaan atau saya tidak mampu berfikir apa yang bakal terjadi kenapa negara kita.
- c) Jelas sekali tujuan di sebalik apa yang berlaku telah menyebabkan keamanan tergugat dan suasana tanpa undang-undang telah terhasil. Dengan itu saya tiada pilihan untuk menunjukkan kepada golongan ini bahawa kerajaan masih wujud dan akan terus berfungsi. Kita telah meraih keamanan untuk sekian lama dan semenjak Darurat tamat dengan semua undang-undang yang mengiringinya. Sekarang mereka telah memulakan ia semula dan kita harus bertindak dan bertindak dengan cepat. Sekiranya ini tidak dilaksanakan tentunya tiada jalan lain untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian di negara ini.
- d) Sekarang ini saya sedang menubuhkan pasukan pertahanan yang kuat di negara ini. Ahli-ahli baru akan direkrut untuk menyertai Pasukan Pertahanan tempatan yang akan beroperasi sepenuhnya sepanjang masa Darurat dan pusat-pusat pengambilan akan didirikan secepat mungkin di setiap bandar dan Pegawai Tentera akan dipanggil untuk membantu pengambilan ahli-ahli baru ini.
- e) Sekarang ini saya telah mendirikan Majlis Gerakan Negara dengan Tun Razak sebagai Pengarah Operasi, bertanggungjawab sepenuhnya dalam pentadbiran di bawah Undang-undang

Darurat dan ahli majlis akan menjadi ahli Pasukan keselamatan. Tun Razak akan bertanggungjawab di bawah saya, yang bermakna setiap kerjanya akan diberi keutamaan. Dalam semua negeri, majlis gerakan akan didirikan dan arahan akan diberikan oleh Mageran di bawah Tun Razak.

f) Saya bimbang bahawa orang akan mengutuk saya dan berkata disebabkan kita menang majoriti yang sedikit kita terpaksa mengikut perancangan ini. Tetapi ini tidak benar, kita mempunyai jumlah majoriti yang cukup untuk melaksanakan pentadbiran ini. Tetapi keadaan yang berlaku memaksa kita mengambil langkah yang efektif and mengambil tindakan tegas terhadap elemen pengganas komunis ini (FCO 24/484 : Part A, hlm 33).

Editor *Straits Times* pada hari ini mengkritik keputusan kerajaan Malaysia untuk menahan penerbitan semua akhbar-akhbar di Kuala Lumpur, dan berharap penahanan ini hanya berlangsung beberapa hari sahaja. Sementera penahanan akhbar berlangsung dan situasi di Malaysia Barat masih lagi tegang, kita akan mengirim cerita ringkas setiap hari tentang apa yang berlaku di Malaysia Barat ini. Akhbar berbahasa Inggeris dan Cina hari ini melaporkan situasi di Selangor tegang tetapi di bawah kawalan. Banyak kereta dan rumah-rumah dibakar pagi ini di Kuala Lumpur. Angka kematian telah meningkat ke 89 dengan 300 cedera. Perintah berkurung 24 jam tetap dilaksanakan di Kuala Lumpur dan Melaka. Di Pulau Pinang perintah berkurung dilonggarkan setelah tiada berlakunya apa-apa di waktu malam, dan di Perak situasi dilaporkan bertambah baik dan perintah berkurung dibubarkan selama tiga jam setengah pada waktu pagi (FCO 24/484 : Part A, hlm 38).

Pada 17 Mei (Sabtu) sehingga pukul 12 malam, situasi bertambah tenang walaupun terdapat kes-kes terpencil yang melibatkan kes pembakaran dan tembakan. Pihak polis menganggarkan angka kematian meningkat ke 100. Jumlah kematian ini adalah tinggi dan pegawai *Ministry of Foreign Affairs* (MFA) melaporkan angka ini semakin meningkat. Laporan Pegawai Pinjaman British memaklumkan jumlah kematian di kalangan orang Cina berbanding Melayu adalah tinggi iaitu nisbah 85 kepada 15 orang (FCO 24/484 : Part A, hlm 37).

Peristiwa 17 Mei Malam semalam Tunku berucap lagi di radio dan television. Perkara utama dalam ucapan beliau ialah tetap menyalahkan anasir pengganas yang mencetuskan peristiwa 13 Mei. Beliau merujuk kepada satu operasi di mana Pasukan Polis dan *Royal Malaysian Air Force* (RMAF) pada waktu tengahari semalam telah menahan 93 orang kuat pengganas (*hard core terrorists*). Tun Ismail yang bersara dari jawatan Menteri Dalam Negeri dua tahun lepas, turut bersiaran langsung dan memaklumkan bahawa beliau telah diarahkan oleh Tunku untuk meneruskan kuasa sebagai Menteri Dalam Negeri dengan bertanggungjawab dalam hal ehwal Keselamatan Dalam Negeri. Ucapan Tun Ismail bertujuan untuk meraih keyakinan dan mendapatkan sokongan kaum Cina semula. Namun dalam ucapannya, beliau turut menuduh elemen pengganas komunis telah memanipulasi parti pembangkang (FCO 24/484, hlm 37). Tetapi berdasarkan laporan Pegawai MFA kepada ahli misi diplomatik, tiada bukti kukuh tentang adanya penglibatan anasir pengganas komunis dalam tragedi ini, dan kejadian ini berlaku adalah semata-mata kerana faktor perasaan perkauman (FCO 24/484 : Part A, hlm 37).

Laporan Mageran menjelaskan,

”Tidaklah benar jika dikatakan Parti Komunis Malaya telah mencetuskan kekacauan pada 13 Mei bagi merebut kuasa. Mereka belum sedia untuk mengambil tindakan demikian. Tetapi kegiatan-kegiatan mereka dan kegiatan-kegiatan ejen Parti Buruh di Malaya beserta dengan

ejen-ejen kongsi gelap yang diupah telah membangkitkan suasana tegang antara kaum ke peringkat yang merbahaya. Parti Buruh Malaya yang sebahagian besarnya dipengaruhi oleh Parti Komunis Malaya dan dianggotai pada keseluruhannya oleh kaum Cina, memang mempunyai kecenderungan perkauman. Pada 4 Mei 1969, tiga orang Polis peronda telah ternampak sekumpulan pemuda Parti Buruh Malaya menulis cogankata-cogankata anti pilihan raya di Kepong. Apabila dicabar, pemuda-pemuda itu terus menyerang mereka dengan batang besi dan melastik mereka dengan ketul-ketul logam. Mata-mata itu terpaksalah menembak mempertahankan diri. Akibatnya seorang daripada pemuda-pemuda yang cedera itu telah mati di rumah sakit. Berbeza dengan pengkebumian pekerja UMNO yang terbunuh di Pulau Pinang, yang dijalankan dengan tenang dan terhormat, Parti Buruh menyimpan mayat pekerja itu dan merancang hendak mananamnya dengan satu perarakan besar pada hari mengundi supaya pilihanraya terganggu. Untuk tujuan ini mayat itu telah disimpan di peti sejuk. Perarakan tersebut dibenarkan oleh Polis pada 9 Mei tidak pada 10 Mei, itu pun dihadkan kepada sebilangan kecil sahaja dan tidak melebihi beberapa orang. Perarakan ini juga hendaklah mengikut jalan yang tidak akan mengendalakan lalu lintas di Kuala Lumpur. Arahan-arahan Polis itu tidak dipatuhi oleh anasir-anasir tersebut. Sebaliknya mereka menganjurkan perarakan besar mengandungi kira-kira 10 ribu orang. Mereka berarak di tengah bandar kuala Lumpur, mengingkari setiap arahan polis. Mereka melaung-laungkan cogankata Mao sambil menyanyi "*the East is red*" (timur adalah komunis) serta menunjukkan gambar-gambar Mao Tse Tung dan bendera komunis. Perarakan itu melalui tengah bandar Kuala Lumpur, mengendalakan lalu lintas di hampir setiap jalan besar, sambil menyakitkan hati orang-orang Melayu yang berdiri di tepi jalan dengan kata "Malai si" (matilah Melayu) dan "hutang darah bayar darah" (Laporan Majlis Gerakan Negara, 1969).

Pada 17 Mei juga pas kebenaran semasa dalam tempoh perintah berkurung terhadap wartawan asing ditarik pada pagi ini. Ini diikuti dengan kritikan oleh Kementerian Luar Negara yang menuduh agensi asing menokok-tambah laporan-laporan mereka (FCO 24/484 : Part A, hlm 37).

Pada 18 Mei (Ahad) situasi berterusan aman dan tiada apa-apa yang besar berlaku. Tinjauan semalam menunjukkan tragedi bertumpu di utara bandar Kuala Lumpur tetapi terdapat beberapa kejadian di kawasan barat. Keganasan di kawasan ini kemungkinannya dilakukan secara berterusan oleh kumpulan ekstrim yang mewakili kedua-dua pihak. Tetapi pihak tentera terus melakukan operasi untuk membanteras mereka. Atas kejayaan tiadanya keganasan berlaku dalam tempoh tiga jam semasa perintah berkurung diangkat pada hari semalam, maka pada hari ini perintah berkurung terus diangkat dari pukul tujuh hingga pukul sepuluh.

Pada 20 Mei (Selasa), laporan British menyiaran tajuk-tajuk utama akhbar-akhbar tempatan. Straits Times melaporkan kelonggaran berterusan perintah berkurung di ibu kota dan Selangor merupakan satu berita yang amat ditunggu-tunggu. Kuala Lumpur sebagai pusat tumpuan bermulanya tragedi ini berada dalam situasi yang semakin baik merupakan satu kepastian bahawa keselamatan negara tidak berada dalam bahaya. Jumlah rasmi mangsa terbaru yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia ialah 147 mati, 321 cedera di hospital dan 3,052 ditangkap. Kerajaan negeri menyatakan "*the bulk of the arrests are curfew breakers and rumour mongers as well as some who have been encouraging the fomenting of communal violence*". Selain itu MFA menyatakan terdapat seramai 5-10,000 pelarian yang terdiri daripada orang Melayu dan orang Cina di Kuala Lumpur sahaja (FCO 24/485 : Part B, hlm 114).

Pada 21 Mei (Rabu), melalui siaran akhbar Jabatan Penerangan Malaysia, Tan Siew Sin mengeluarkan kenyataan memberikan khabar gembira tentang perkembangan yang mula kembali normal dalam aktiviti ekonomi dan pembekalan serta pembuatan bahan di kawasan yang terlibat dengan keganasan sebelum ini. Kedai-kedai dan pasaraya kembali dibuka dan masyarakat boleh membeli dalam keadaan aman. Beliau juga memaklumkan bahawa Pasaraya Serbaguna di Jalan Maxwell Kuala Lumpur akan dibuka bermula pukul 6.30 pagi esok. Banyak bekalan mentah akan disediakan untuk penduduk Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Jawatankuasa Pusat Koordinasi Bekalan (*Supplies Coordination Centre*) diwujudkan untuk memastikan bekalan-bekalan makanan dan komoditi berjalan lancar dan aktiviti ekonomi akan kembali seperti asal. Selain itu beliau juga memaklumkan bahawa kebanyakan estet-estet getah telah memulakan pengeluaran dan telah meminta Pertubuhan Perdagangan Getah (*Rubber Trade Association*) untuk memaklumkan ahli-ahlinya meneruskan pembelian getah daripada pengusaha kebun dan ladang kecil. Apatah lagi perintah berkurung telah diangkat dan membenarkan penoreh getah untuk menoreh. Beliau juga meminta industri pembuatan di kawasan Kuala Lumpur/Petaling Jaya/Klang kembali bekerja.

### Rumusan

Merujuk kepada Muhd Yusof (2000), sumber sangat penting dalam kajian atau penyelidikan sejarah. Dalam usaha untuk menghasilkan sesuatu karya sejarah, seseorang sejarawan itu mestilah berusaha mendapatkan sumbernya, kemudian memilih sumber tersebut, bukan memilih mana yang sesuai untuk digunakannya tetapi mana-mana yang ada kaitan, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dengan peristiwa yang dikajinya. Ia juga haruslah mengkaji serta menganalisis sumbernya itu untuk mendapatkan fakta dan seterusnya untuk membolehkannya melakukan penulisan serta membuat tafsiran terhadap peristiwa yang berkenaan.

Sehubungan itu, menerusi sumber primer dari rekod British, penulisan artikel ini diharap dapat membuka ruang kepada rakyat Malaysia untuk lebih bertoleransi bagi mengukuhkan perpaduan negara bersama. Penulisan ini juga diharap dapat menjana perkembangan intelektual dalam kalangan masyarakat Malaysia sekali gus menyemarakkan dan memperkasakan jati diri, nasionalisme dan patriotisme rakyat Malaysia. Sesungguhnya isu-isu yang melibatkan kedudukan istimewa Melayu ada sebabnya dan begitu juga bagaimana orang bukan Melayu menjadi warganegara ada sejarahnya. Hanya dengan mengetahui dan mempelajari sejarah, masyarakat Malaysia mampu keluar dari terus berada dalam kesamaran yang boleh menyemarakkan api persengketaan sesama kaum. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Dennis (1994: 10), “*to understand citizenship, therefore, is to understand the city itself*”.

### Rujukan

- Addressed FCO Telegram No.584 of 26 May. Repeated for information to Wellington, Washington, Canberra, Hong Kong and Polad Singapore, *FCO 24/485: Part B: Malaysia: Internal Situation: Civil Disturbances following general election*.
- Addressed to FCO telegram number 479 of 14 May Inter-racial disturbances, *FCO 24/484: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election*.
- Addressed to FCO telegram number 484 of 14 May. Repeated for information (immediate) to BHC Singapore, Polad Singapore, Washington, Wellington, Canberra and routine to Kuching, Kota Kinabalu, Bangkok, Manila and Djakarta, *FCO 24/484 : Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election*.

Addressed to FCO telegram number 486 of 14 May. Repeated for information (immediate) to Polad Singapore, Wellington, Canberra, Washington, Kota Kinabalu, Kuching, dan HC Singapore, *FCO 24/484 : Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*

Addressed to FCO Telno 508 of 17 May. Repeated for information to Singapore, *FCO 24/48: Part A : Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*

Disturbances in Malaysia, 15 Mei 1969, *FCO 24/484: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*

Flash Kuala Lumpur telegtam No. 11 to Polad Singapore of 13 May 1969 Inter-racial disturbances, *FCO 24/48: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*

Inter-Racial Disturbance, *FCO 24/484: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*

K. Jeyaratnam. (1958). *Racial factors in the political development of the Federation of Malaya.* Tesis Master dari The University of British Columbia.

Lead clashes 3 Kuala Lumpur, Reuter. *FCO 24/484: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*

Malay Internal Situation, *FCO 24/485:Part B: Malaysia : Internal Situation: Civil disturbances following general election.*

Malaysia/Singapore situation, *FCO 24/484:Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*

Malaysia: Communal disturbances, *FCO 24/485: Part B: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*

Malaysia-Communal Disturbances, *FCO 24/484: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*

Malaysian situation, *FCO 24/485, Part B: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*

Muhd Yusof Ibrahim. (2000). *Ilmu sejarah.* Kuala Lumpur: DBP

Nightlead Malaysia by Celin Bickler, *FCO 24/484: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*

Note of conversation with Malaysian High Commissioner oleh J.O.Moreton, 22 Mei 1969 *FCO 24/485 : Part B: Malaysia : Internal Situation: Civil disturbances following general election.*

Racial antagonism in Malaysia, extremist Malay groups and their potential for revolution, *FCO 24/480 Malaysia: Internal affairs West Malaysia Internal Situation.*

Security situation, *FCO 24/48 : Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*

Statement by Tun Tan Siew Sin, *FCO 24/484: Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*

The inherent strife, 15 May 1969, The Daily Star, *FCO 24/485: Part B: Malaysia : Internal Situation: Civil disturbances following general election.*

The Malaysian tragedy, *FCO 24/48 : Part A : Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*

*Tragedi 13 Mei.* (1969). Satu Laporan oleh Majlis Gerakan Negara. Kuala Lumpur

Tun Dr Ismail bin Dato Abdul Rahman's interview with the N.B.C. pada 19 May, *FCO 24/485: Part B: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*

Tun Razak's speech over radio and tv, *FCO 24/48 : Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*

Twenty-four hour curfew in many areas, Extract: BBC Monitoring Report, *FCO 24/484 : Part A: Malaysia: Civil Disturbances following the general election.*